

MAHATHIR - AKHBAR 1984

PULAU PINANG, 19 OGOS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. HAHATHIR MOHAMED BERKATA AKHBAR TIDAK SEHARUSNYA MEMENTINGKAN KEUNTUNGAN SEMATA-MATA DENGAN HENYEBARKAN BERITA-BERITA HANGAT DAN SENSASIONAL TETAPI TIDAK RELEVAN KEPADA KEMAJUAN DAN PEMBANGUNAN.

DALAM PERUTUSAN Tahniahnya Sempena Pelancaran Semula Akhbar +THE NATIONAL ECHO+ DI SINI HARI INI, Perdana Menteri berkata akhbar perlulah memenuhi keperluan rakyat untuk mengetahui maklumat yang tepat dan membina.

Katanya, akhbar hari ini menjadi semakin penting terutamanya di negara-negara yang sedang membangun seperti negara ini dimana sumbangan yang aktif dan konstruktif dari akhbar boleh membantu meningkat dan mempercepatkan lagi tahap kemajuan negara.

Mengenai pelancaran semula akhbar +THE NATIONAL ECHO+, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata akhbar itu telah menambahkan lagi kemudahan saluran maklumat kepada rakyat khususnya pembaca di kawasan utara Semenanjung. --LAGI

MAHATHIR - AKHBAR 2 PULAU PINANG

Berucap di pelancaran itu Ketua Menteri Dr. Lim Chong Ee berkata media massa mestilah sentiasa berusaha menegakkan peranannya dalam pembangunan negara.

Katanya, media massa mestilah tidak saja bermatalamat mencapai mutu penerbitan setinggi mungkin tetapi juga hemperpahankan keyakinan dan imej akhbar bebas.

Beliau menegaskan bahawa media massa haruslah pada setiap masa tidak saja memberikan maklumat terbaru tetapi juga yang tepat dan objektif.

+Tanpa ragu bahawa keistimewaan akhbar memelihara rahsia sumber maklumatnya dan serentak itu ia akan dapat memainkan peranan nasional jika ia menyebarkan berita secara bertanggungjawab bagi memenuhi tarafnya dalam masyarakat. + Ujarnya.

Beliau yakin akhbar itu akan dapat memberi sumbangan berkesan ke arah membaiki lagi imej media massa dan meningkatkan lagi fungsi penting akhbar dalam pembangunan negara. -- BERNAMA.